

20 SEP 2002

BELANJAWAN-CUKAI PEGANGAN

KADAR CUKAI PEGANGAN DIKURANGKAN KEPADA 10 PERATUS BAGI SYARIKAT DAN 3 PERATUS BAGI PEKERJA

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan telah mencadangkan kadar cukai pegangan dikurangkan kepada 10 peratus daripada 15 peratus bagi syarikat dan kepada tiga peratus daripada lima peratus bagi pekerja.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Parlimen hari ini, pada masa ini, apa-apa bayaran kepada kontraktor bukan pemastautin bagi penyediaan perkhidmatan di bawah suatu kontrak, dikenakan cukai pegangan sebanyak 15 peratus bagi tujuan cukai pendapatan syarikat dan lima peratus bagi cukai pendapatan pekerjanya.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata, cukai pegangan ini hanya merupakan bayaran pendahuluan sahaja yang mana jumlah cukai sebenar yang perlu dibayar oleh syarikat dan pekerja akan dimuktamadkan setelah kontrak selesai.

Beliau juga berkata bahawa kadar cukai pegangan ini tidak pernah dikaji semula walaupun cukai pendapatan korporat dan individu telah dikurangkan beberapa kali. -- BERNAMA

FAY OS